

**FALSAFAH IBADAT SOLAT BERDASARKAN AL-SUNNAH: ANALISIS  
 PANDANGAN SHAH WALI ALLAH AL-DIHLAWI**

*The Philosophy of Solat Based on al-Sunnah: Analitical Study of Shah Wali  
 Allah al-Dihlawi's*

Noraini Junoh<sup>i</sup> & Nor Asmira Mat Jusoh<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Calon PhD, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu. jannahdnin@yahoo.com

<sup>ii</sup> Pensyarah, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu 18500 Machang, Kelantan. norasmira@kelantan.uitm.edu.my

Article Progress

Received: 9 September 2018

Revised: 9 December 2018

Accepted: 19 december 2018

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Ibadat solat bukan sekadar dilaksanakan untuk memenuhi tuntutan syarak semata-mata, namun ia mempunyai hikmah dan falsafah tersendiri yang perlu dihayati oleh setiap Muslim. Artikel ini menganalisa pandangan Shah Wali Allah terhadap rahsia solat yang terdapat dalam Hadis Nabi SAW. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan dan analisis dokumen terhadap kitab Hujjah Allah al-Balighah serta buku-buku berkaitan falsafah ibadat solat. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga prinsip ibadat solat, iaitu hati tunduk kepada Allah SWT, bertawajjuh kepadaNya dan mengagungkanNya. Ketiga-tiga prinsip ini merupakan sebahagian daripada akhlak utama yang perlu diraih oleh setiap Muslim dalam mencapai kebahagiaan. Sehubungan itu, Shah Wali Allah telah menjelaskan secara mendalam falsafah ibadat solat</i></p>	<p><i>Praying is not only a duty, but it has its own wisdom and philosophy that must be concerned by every Muslim. This article analyzes the views of Shah Wali Allah on the secrets of praying based on Hadith of the Prophet. This study uses qualitative methods through library research and document analysis on the book of Hujjah Allah al-Balighah and also books related to secret of solat. The study found that there are three principles of prayer, namely the heart bowing to Allah SWT, performing to Him and glorifying Him. These three principles are part of the main character that every Muslim needs to achieve happiness. Therefore, Shah Wali Allah has explained in depth the philosophy of solat based on the Prophetic traditions of the Prophet. Praying is one of worship that must be done to subdue the nature of the animal (bahimiyyah) and thus produce the nature of the angel (malakiyyah).</i></p>

<p><i>berdasarkan maksud Hadis-hadis Nabi SAW. Ibadat solat merupakan salah satu ibadat yang perlu dilaksanakan untuk menundukkan sifat kebinatangan (bahimiyyah) seterusnya membuahkan sifat kemalaikatan (malakiyyah).</i></p> <p><b>Kata kunci:</b> <i>Falsafah hukum, ibadat solat, al-Sunnah, al-Dihlawi, akhlak utama, bahimiyyah, malakiyyah.</i></p>	<p><b>Keyword(s):</b> <i>The philosophy of law, prayer, al-Sunnah, al-Dihlawi, the main character, bahimiyyah, malakiyyah.</i></p>
--	--

## PENDAHULUAN

Solat merupakan rukun kedua daripada Rukun Islam selepas mengucap dua kalimah syahadah dan suatu ibadat yang paling tinggi dan mulia antara pelbagai ibadat dalam Islam (Sayyid Sabiq, 1990). Bahkan solat menjadi tiang dalam binaan agama, tali pengikat keyakinan dan puncak segala pengabdian (al-Jurjawi, 2006). Ia juga memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Dengan kata lain, ia merupakan sebesar-besar ibadat yang mendekatkan para hamba kepada Allah SWT dan seteguh-teguh perhubungan yang menghubungkan antara manusia dengan Penciptanya (al-Jaza'iri, 1976). Justeru, solat merupakan suatu bentuk kefarduan yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim secara berulang kali pada setiap pagi, siang, petang dan malam, berterusan ke akhir hayat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman dalam waktu yang ditentukan. (al-Nisa', 4: 103)

Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, iaitu al-Kitab (al-Quran) dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingat Allah (solat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain) dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan. (al-Ankabut, 29: 45)

Nabi SAW juga bersabda, sebagaimana mafhumnya:

Lima solat difardukan oleh Allah S.W.T. atas hamba-hambaNya. Barang siapa mengerjakannya, tidak satu pun ditinggalkan kerana menganggapnya remeh, nescaya akan beroleh janji Allah S.W.T. untuk memasukkannya ke dalam syurga. Dan barang siapa tidak mengerjakannya, maka tiada janji yang diperoleh dari Allah S.W.T. Jika Allah S.W.T. menghendaki, dia akan diazab (kerana kelalaiannya itu), tetapi apabila Allah S.W.T. menghendaki yang lain, dia akan

dimasukkan juga ke dalam syurga. (al-Nasa'i, 2015, *Kitab al-Salah, Bab al-Muhafazah 'Ala al-Salat al-Khams*, Hadis no. 462).

Siapa yang berwuduk di rumahnya, kemudian dia pergi ke masjid menunaikan solat fardu, maka setiap dia melangkah dua langkah, langkahnya yang pertama menghapuskan satu dosa, sedangkan langkah yang kedua mengangkat darjatnya satu darjat. (Muslim, 2003, *Kitab al-Masajid wa Mawadi' al-Salah, Bab al-Mashi ila al-Salah Tamha bihi al-Khataya wa Tarfa' bihi al-Darajat*, Hadis no. 1521).

Melalui dalil-dalil di atas, menunjukkan pentingnya ibadat solat yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada manusia. Sehubungan itu, Shah Wali Allah membahaskan secara mendalam rahsia-rahsia di sebalik kefarduan ibadat solat supaya umat Islam bukan sekadar menunaikan kewajipan tersebut tetapi melaksanakan ibadat tersebut dengan penuh penghayatan dan keinsafan.

### Definisi Solat

Dari sudut bahasa, kalimah solat bermaksud doa (al-Asqalani, 2004; Ibn Manzur, 1956), iaitu doa ke arah kebaikan (al-Zuhayli, 1997) atau memohon keberkatan, kesucian, penyucian jiwa dan keampunan (Hamdani, 2007; al-Jurjawi, 2006). Solat juga diertikan sebagai hubungan (Siraj al-Din, 1971) dan rahmat (Hamdani, 2007; Ibn Manzur, 1956).

Manakala solat dari sudut istilah atau pengertian *fuqaha* diertikan sebagai himpunan perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam (Badran, 1985; al-Sharbini, 1940). Merujuk kepada makna hakikatnya pula solat bermaksud "menghadirkan hati (jiwa) kepada Allah SWT dengan cara mendatangkan rasa takut kepadaNya serta menyemaikan di dalam jiwa rasa keagungan kebesarannya dan kesempurnaan kekuasaanNya" (al-Jurjawi, 2008). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya Aku ini adalah Allah, tidak ada Tuhan (yang hak) selain Aku, maka sembahlah Aku dan dirikanlah solat untuk mengingati Aku. (Taha, 20: 14)

Rasulullah SAW juga bersabda, mafhumnya:

Apabila kamu tertidur sebelum solat, atau lalai daripadanya, maka hendaklah kamu tunaikan ketika ingat. Sesungguhnya Allah SWT telah berfirman: Dirikanlah solat untuk mengingati Aku. (Muslim, 2003: *Kitab al-Masajid wa Mawadi al-Salah, Bab Qada al-Salah al-Faitah wa Istijab Ta'jil Qadaiha*, Hadis no. 1569)

Solat dilihat daripada makna rohnya pula ialah berharap kepada Allah SWT dengan sepenuh jiwa, serta khusyuk di hadapanNya dan ikhlas kepadaNya, serta menghadirkan hati dalam berzikir, berdoa dan memujiNya (al-Jurjawi, 2006; Sa'id Hawa, 1988). Secara ringkasnya, ia boleh ditakrifkan sebagai penyerahan diri kepada Allah SWT dengan sepenuh jiwa kerana Dialah yang berhak disembah dan diagungkan (Harun Yahya, 2003). Inilah yang menjadi

tujuan atau matlamat akhir penciptaan manusia di muka bumi, iaitu mengabdikan diri kepada Allah SWT.

### **Biografi Shah Wali Allah al-Dihlawi**

Nama sebenar adalah Qutb al-Din Ahmad bin Abd al-Rahim bin Wajih al-Din al-Syahid bin Mu'azam bin Mansur bin Ahmad bin Mahmud bin Qiwwam al-Din al-Dihlawi. Dilahirkan pada hari Rabu, 21 Februari 1703M bersamaan 4 Syawal 1114H di Phulat, sebuah kota kecil berdekatan Delhi dan wafat pada tahun 1762M/1176H (Shah Wali Allah, 1999). Beliau lahir 4 tahun sebelum kematian Aurangzeb (Sharif, 1966). Beliau dikenali sebagai "Shah Wali Allah" dan berketurunan Arab Quraisy iaitu Saidina 'Umar al-Khatib (sebelah bapanya) dan Imam Musa al-Khazin (sebelah ibunya). Beliau dan ahli keluarganya merupakan golongan agamawan yang berpegang teguh dengan ajaran Islam dan pengamal tarekat sufi (al-Siyalkuti, 1999).

Beliau seorang ulama India yang berwibawa pada abad ke-18 dan digelar sebagai *mujaddid alaf al-thani* (Abdul Salam, 2007). Mendapat didikan yang sempurna daripada ayahnya sendiri. Pendidikannya telah bermula sejak usia lima tahun dan pada usia tujuh tahun, beliau telah khatam bacaan dan hafalan al-Quran (Jalbani, 1993). Beliau telah mempelajari ilmu tafsir, hadis, fikah, *usul al-fiqh*, kalam dan lain-lain lagi. Beliau juga telah menguasai ilmu falsafah, logik, bahasa Arab, sintaksis, retorik dan lain-lain lagi (Muhammad al-Ghazali, 2000). Beliau amat cintakan ilmu pengetahuan dan mengabdikan seluruh hidupnya untuk menyampaikan ajaran Nabi Muhammad SAW kepada umat Islam.

Sebagai seorang *mujadid*, beliau telah menggunakan medium penulisan untuk memurnikan kembali ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini kerana masyarakat Islam pada masa itu hidup dalam kejumudan dan taklid buta (Abdul Hayei, 1998). Beliau telah menghasilkan banyak karya dalam pelbagai bidang. Antara karyanya yang masyhur adalah kitab *Hujjah Allah al-Balighah*, iaitu sebuah ensiklopedia yang menjadi rujukan kepada umat Islam dalam mengetahui rahsia-rahsia syariat Ilahi (Azharudin, 2002). Antara karya dalam bidang pengajian al-Quran adalah *Fath Rahman fi Tarjamah al-Quran*, *al-Fawz al-Kabir* dan *al-Fath al-Kabir*. Bidang Hadis pula merangkumi kitab *al-Musawa min Ahadith al-Muwatta*, *Musaffa Sharh Muwatta*, dan *Sharh Tarajim Ba'd Abwab al-Bukhari* (Jalbani, 1993). Selain daripada karya tersebut, banyak lagi karya yang dihasilkan meliputi bidang falsafah, perundangan, politik, tasawuf, sejarah dan bibliografi (Muhammad al-Ghazali, 2000). Dengan penghasilan karya-karya tersebut menunjukkan bahawa beliau seorang penulis yang berpengetahuan luas dan bersemangat waja dalam menyampaikan ajaran Islam kepada umat Islam pada masa tersebut.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Penulis menggunakan kaedah kualitatif bagi mengkaji falsafah ibadat solat yang dikupas oleh Shah Wali Allah dalam al-Sunnah. Secara umumnya, pandangan

Shah Wali Allah ini dinilai dan dianalisa melalui karya utama beliau, iaitu kitab *Hujjah Allah al-Balighah*. Selain itu, penulis juga merujuk penulisan-penulisan lepas yang mengkaji falsafah ibadat solat dalam al-Sunnah dan pemikiran Shah Wali Allah dalam membahaskan rahsia di sebalik pensyariatan ibadat solat. Artikel ini secara ringkas menggunakan analisis kandungan dalam menganalisa dan mengkaji falsafah ibadat solat Shah Wali Allah khususnya yang dibincangkan dalam kitab *Hujjah Allah al-Balighah*.

## DAPATAN KAJIAN

Shah Wali Allah (1999) telah membahaskan secara terperinci tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadat solat seperti waktu solat, azan, tempat solat (masjid), pakaian solat, kiblat, *al-sitrah*, rukun-rukun solat dan lain-lain. Apa yang menarik, beliau bukan sekadar menjelaskan tentang hukum-hukum ibadat solat tetapi menjelaskan secara terperinci hikmah dan rahsia di sebalik ketetapan ibadat solat dan segala hikmah yang berkaitan dengan ibadat tersebut. Namun, dalam penulisan ini hanya menyentuh beberapa bahagian penting yang berkaitan dengan falsafah solat, iaitu keutamaan solat, prinsip-prinsip solat dan rahsia solat kepada jiwa manusia.

### Keutamaan Ibadat Solat

Solat merupakan satu ibadat yang menjadi nadi kehidupan Muslim dan syiar Islam yang paling istimewa dan agung. Hal ini kerana solat difardukan secara langsung melalui peristiwa Israk dan Mikraj yang mana Rasulullah SAW menerima kewajipan ini secara berhadapan dengan Allah SWT (al-Khin, al-Bugha & al-Sharbaji, 2003). Peristiwa ini memperlihatkan bahawa ibadat solat yang dilakukan menuntut supaya jiwa seseorang berhadapan secara langsung dengan Allah SWT (Mashur, t.t.). Ia merupakan satu bentuk hubungan antara hamba dengan Tuhannya tanpa apa-apa perantaraan. Sehubungan itu, syariat Islam menekankan keutamaannya, menentukan waktu-waktu, syarat-syarat, rukun-rukun, adab, rukhsah dan solat sunat yang mana semua ini tidak terdapat dalam amalan ketaatan yang lain.

Demikian itu, Shah Wali Allah (1999; 1936) turut menyatakan bahawa solat adalah syiar agama yang paling utama dan tertua yang mana pensyariatannya telah bermula pada zaman Nabi Ibrahim AS (Tabbarah, 1985). Bahkan agama-agama lain seperti Yahudi, Nasrani dan Majusi juga menerima ketentuan sembahyang. Namun, kefarduan solat bagi umat Islam telah berbeza dengan sembahyang agama-agama lain. Hal ini kerana sesetengah agama-agama tersebut walaupun pada asalnya bersifat *samaawi* namun ia telah diselewengkan oleh para penganutnya. Malah, pergerakan ibadat solat melibatkan seluruh anggota jasmani dan rohani manusia. Ia bukan sahaja menyeluruh tetapi juga pelbagai dan kerap dilakukan iaitu sebanyak lima waktu, sesuai dengan tugas dan urusan hidup

manusia sendiri (Ahmad Hisham, 2009). Maka, konsep solat dalam Islam berbeza sama sekali dengan sembahyang agama-agama lain. Dengan sebab itu juga solat yang disyariatkan pada zaman Nabi SAW adalah berbeza dengan solat yang difardukan kepada Nabi-nabi lain.

Keutamaan ibadat solat ini dapat dilihat dalam Hadis Nabi SAW yang bermaksud:

Suruhlah anak-anak kamu sembahyang apabila mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka kerana meninggalkannya apabila berumur sepuluh tahun dan hendaklah kamu mengasingkan tempat tidur mereka. (Abi Dawud, 2000: *Kitab al-Salah, Bab Mata Yu'mar al-Ghulam bi al-Salah*, Hadis no. 495)

Hadis ini menjelaskan bahawa suruhan menunaikan solat hendaklah dimulakan seawal usia tujuh tahun dan dipukul sekiranya tidak menunaikan solat apabila berusia sepuluh tahun (al-Zuhayli, 1997). Menurut Shah Wali Allah (1999), akal manusia terserlah pada usia tujuh tahun dan sempurna akalnya pada usia sepuluh tahun. Maka, kanak-kanak pada usia ini telah dapat membezakan antara perkara-perkara yang berfaedah dan mudarat serta memahami urusan jual beli. Secara umumnya, kesempurnaan akal dan badan kebanyakan dikira pada usia lima belas tahun yang mana pada usia ini dikira akil baligh. Berdasarkan Hadis di atas, Shah Wali Allah (1999) menyatakan bahawa ibadat solat mempunyai dua fungsi. Pertama, sebagai perantaraan dirinya dengan Tuhan yang boleh menyelamatkan dirinya terjerumus ke lembah hina. Justeru, inilah maksud apabila seseorang telah sampai umur tujuh tahun diperintahkan untuk menunaikan solat. Kedua, solat merupakan salah satu syiar Islam yang dikenakan tindakan sekiranya tidak melaksanakan tuntutan itu. Maka, usia lima belas tahun wajib dipaksa untuk menunaikannya. Hukumnya adalah sama dengan ketentuan syariat yang lain. Menurut Shah Wali Allah (1999) lagi, umur sepuluh tahun menjadi sempadan di antara dua peringkat umur tersebut. Seterusnya Hadis tersebut menyuruh untuk mengasingkan tempat tidur pada usia sepuluh tahun kerana usia itu merupakan suatu tempoh yang hampir kepada baligh.

Daripada penjelasan Shah Wali Allah tersebut, suruhan kewajipan solat harus dilaksanakan pada peringkat kanak-kanak lagi. Hal ini kerana kesan pelaksanaan solat bukan hanya dirasai oleh golongan dewasa, malah ia dapat mendidik seseorang sejak dari awal usia lagi. Hal ini juga ditegaskan oleh Luqman al-Hakim ketika mendidik anaknya supaya taat kepada Allah SWT melalui ibadat solat, sebagaimana dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. (Luqman, 31: 17)

Justeru, sebagai ibadat yang paling utama dan dianjurkan seawal usia, maka segala bentuk latihan dan amalan-amalan kebaikan yang lain seharusnya

diterapkan sejak kecil untuk memastikan tabiat seseorang selari dengan fitrah kejadiannya.

Keutamaan ibadat solat juga dapat dilihat dalam Hadis Nabi SAW yang bermaksud:

Di antara hamba dan kufur adalah meninggalkan solat. (Muslim, 2003: Hadis no. 246)

Berdasarkan Hadis ini, solat merupakan syiar Islam yang teragung. Sekiranya seseorang meninggalkan ibadat ini, maka ia luput daripada Islam. Hal ini kerana Islam dan solat mempunyai hubungan yang erat. Solat dapat memastikan maksud penyerahan diri kepada Allah SWT. Shah Wali Allah (1999) turut menjelaskan bahawa sesiapa yang tidak mempunyai bahagian daripada solat, maka ia tidak memiliki daripada Islam melainkan perkara yang tidak bernilai. Justeru, solat dapat membezakan Muslim dan kafir, sebagaimana sabda Nabi SAW yang bermaksud:

Perjanjian di antara kita dan mereka adalah solat, jadi barang siapa yang meninggalkan solat, maka ia telah kafir. (Muslim, 2003: *Kitab al Iman, Bab Bayan Itlaq Ism al-Kufr 'Ala Min Tark al-Salah*, Hadis no. 246)

### **Prinsip-prinsip Solat**

Menurut Shah Wali Allah (1999), terdapat tiga prinsip ibadat solat. Pertama, bahawa hati merendah ketika memandang Keagungan dan Ketinggian Allah SWT. Kedua, bahawa lidah menyatakan keinginan Allah SWT dan kerendahan ini disampaikan dengan pernyataan yang paling jelas. Ketiga, bahawa anggota tubuh dilatih sesuai dengan kerendahan ini. Shah Wali Allah (1999) membawakan ungkapan penyair berhubung dengan prinsip-prinsip ini:

Tiga bahagian tubuhku dilimpahi kemurahanMu  
Tanganku, lidahku dan relung-relung hatiku.

Dengan kata lain, prinsip asas tersebut mencakupi perbuatan, perkataan dan pengakuan. Perbuatan dan perkataan dalam solat merangkumi berdiri tegak dan penuh khusyuh, *takbirat al-ihram*, membaca doa *iftitah*, berta'awwuz, membaca *basmalah*, *al-fatihah*, sujud, rukuk, *tahiyyat* dan lain-lain. Segala amalan dan bacaan tersebut mempunyai falsafah tersendiri. Contohnya, berdiri tegak dan penuh khusyuk mengajar manusia sifat tawaduk, merendah diri, meninggalkan keangkuhan dan kesombongan (Rahman, 1979). Ia turut mengingatkan manusia akan dahsyatnya saat-saat berdiri di hadapan Allah SWT di hari Kebangkitan kelak. Membaca *basmalah* pula untuk memperoleh keberkatan dengan mendahului penyebutan nama Allah SWT dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Ia mendidik manusia agar sentiasa bersyukur di atas nikmat kurniaan Allah SWT (Ibn al-Qayyim, 2007; al-Ghazali, 1967). Dari sudut pengakuan pula, akal dan hati memainkan peranan tersendiri. Akal melakukan perbuatan mengamati dan memikirkan bacaan yang dibaca atau yang didengar daripada ayat-ayat al-Quran, sedangkan hati melakukan perbuatan menghadirkan diri di hadapan Allah SWT dengan penuh rasa tunduk, cinta dan rindu kepadaNya (Ahmad Hisham, 2009).

Dengan lebih jelas lagi, Shah Wali Allah (1999) menyatakan bahawa berdiri di hadapan Allah SWT, mengadu kepadaNya dengan doa yang mendalam dan menghadap kepadaNya termasuk perbuatan-perbuatan yang mengagungkanNya. Berdiri di hadapan Allah SWT dengan menundukkan kepala merupakan bentuk pengagungan peringkat pertama. Ketika melaksanakan solat, kepala perlu ditundukkan yang mana ia menunjukkan seseorang menyedari akan kerendahan dirinya dan ketinggian Tuhannya. Hal ini kerana manusia dan binatang semuanya, biasanya cenderung mengangkat leher sebagai tanda kesombongan dan keangkuhan dan menundukkannya sebagai tanda kepatuhan dan kerendahan. Inilah makna firman Allah SWT yang bermaksud:

Kalau Kami mahu, tentulah Kami akan turunkan kepada mereka satu mukjizat dari langit, yang menjadikan mereka tunduk kepadanya. (al-Syu'ara', 26:4)

Manakala berdoa dengan penuh khusyuk dan pengharapan merupakan bentuk keagungan pada tahap kedua. Bentuk keagungan yang paling tinggi pula adalah meletakkan wajahnya (yang merupakan bahagian tubuh yang paling mulia dan tempat pertemuan semua perasaannya) di atas tanah di hadapannya (Shah Wali Allah, 1999).

Menurut Shah Wali Allah (1999), ketiga bentuk pengagungan ini telah dimaklumi dalam pelbagai kalangan masyarakat, berbagai tradisi dan budaya yang berbeza. Seterusnya ia dipraktikkan di dalam solat bahkan di hadapan raja-raja dan ratu-ratu mereka. Justeru, bentuk solat yang paling utama adalah menggabungkan ketiga sikap tersebut (secara berurutan) mulai yang paling rendah kepada yang paling tinggi untuk meningkatkan perasaan kepatuhan dan kerendahan diri setiap Muslim.

Maka, mendirikan solat bukan sahaja menunaikannya dengan penuh khusyuk tetapi ia bermakna manusia menghadap Tuhan Yang Maha Agung iaitu Allah SWT (Ibn al-Qayyim, 2007; al-Jurjawi, 2006; al-Ghazali, 1967). Dalam melahirkan rasa pengagungan dan penghormatan di dalam solat, manusia perlu menyedari dua aspek penting. Pertama, Mempercayai kebesaran Allah SWT dan keagunganNya yang merupakan salah satu daripada Rukun Iman. Seseorang yang tidak mempercayai kebesaran Allah SWT, tidak akan dapat menunduk dan merendah diri untuk mengagungkan Allah SWT. Kedua, menyedari kekerdilan dan kelemahan diri sebagai hamba yang hina dan tidak mempunyai apa-apa kecuali kurnia Allah SWT (Sa'id Hawa, 1988; al-Ghazali, 1967).

Tegasnya, prinsip keagungan melalui kepatuhan dan ketundukan kepada Allah SWT merupakan salah satu akhlak yang perlu diraih manusia untuk mencapai kebahagiaan. Kepatuhan ini didapati dengan menghayati semua amalan yang diterima daripada para Nabi, memerhati semua roh dan cahaya amalan, memperbanyak dan menjaga semua gaya amalan serta zikir (Shah Wali Allah, 1999; 1936). Dengan ketaatan tersebut, manusia akan berasa dirinya hina dan lemah kerana semua kekuatannya berada pada Allah SWT (Ibn al-Qayyim, 2007; Rahman, 1979). Dalam keadaan ini juga jiwa manusia akan hampir kepada



sifat kemalaikatan yang sentiasa menumpukan kepada kebesaran Allah SWT. Dengan ini, manusia akan dapat menerima segala kebenaran dan bersedia melaksanakan segala perintah Allah SWT seperti malaikat (Abdul Salam, 2007).

Allah SWT tidak menciptakan manusia untuk melakukan kerosakan, main-main atau hanya sekadar makan, minum, tidur dan berkahwin. Sebaliknya adalah supaya manusia taat dan patuh kepada setiap suruhan dan laranganNya. Orang yang berakal adalah orang yang tunduk sujud penuh keikhlasan kepada Allah SWT dan orang yang paling bodoh adalah orang yang menderhakai Allah SWT dan RasulNya. Manusia juga akan menjadi kaya sekiranya mencintai para ahli agama (Ibn al-Qayyim, 2007; al-Jaylani, 1983). Dasar ketaatan adalah mengetahui akan Allah SWT, takut kepadaNya, mengharap keredaanNya serta selalu mendekatkan diri kepadaNya. Inilah hakikat keimanan yang sentiasa diamalkan oleh para malaikat.

Akhlak kepatuhan ini penting kepada manusia yang mahu mencari kebenaran. Apabila manusia taat dan patuh sepenuhnya kepada perintah Allah SWT, jiwa rasionalnya akan sempurna dan bersedia menerima ilham dan ilmu yang benar daripada Allah SWT. Hal ini khususnya dapat dicapai dengan melakukan ibadat solat dengan sempurna.

### **Rahsia Ibadat Solat**

Setiap ibadat di dalam Islam mempunyai hikmah dan rahsia yang tersendiri. Seseorang yang menunaikan ibadat dengan penuh keikhlasan dan rasa patuh kepada Allah SWT akan memperoleh segala kebaikan dunia dan akhirat (Udah Mohsin, 1986). Begitu juga dengan ibadat solat. Ia mempunyai pelbagai hikmah dan rahsia sebagaimana berikut:

#### ***Solat Mendekatkan (Taqarrub) Diri Kepada Allah SWT***

Menurut Shah Wali Allah (1999), solat merupakan ibadat yang paling utama yang dapat mendekatkan (*taqarrub*) diri kepada Allah SWT, selain daripada amal soleh, zikir, *tadabbur* dan tafakur. Ibn Hajar al-Asqalani (2004) menyatakan kedekatan (*taqarrub*) yang dimaksudkan bukanlah kedekatan fizik, akan tetapi difahami secara kiasan (*majazi*), iaitu melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT dengan menjalankan kewajiban-kewajiban yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Bagi Shah Wali Allah (1999), solat lebih utama daripada tafakur dan zikir. Hal ini kerana tafakur yang benar hanya dapat dilakukan segelintir orang yang memiliki jiwa yang tinggi dan jumlah mereka sangat sedikit. Lagi pula sekiranya manusia larut dalam tafakur yang sebenarnya, nescaya mereka akan terasing dalam kalangan masyarakat dan mensiakan-siakan kebaikan dunia. Zikir yang sebenarnya juga tidak mampu dilakukan oleh kebanyakan orang. Berbeza dengan ibadat solat yang mana ia dapat dilakukan sama ada oleh golongan awam mahupun golongan khusus.

Sehubungan itu, apabila seseorang menunaikan solat, ia sedang mengingati dan bermunajat kepada Allah SWT (Shah Wali Allah, 1999), sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya Akulah Allah; tiada tuhan melainkan Aku; oleh itu, sembahlah akan Daku, dan dirikanlah sembahyang untuk mengingati Daku. (Taha, 20: 14)

Selain suatu bentuk perhambaan kepada Allah SWT, ia juga merupakan saat yang paling hampir antara hamba dengan Penciptanya (Abd. Rashid, 1995), sebagaimana Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

Keadaan yang paling dekat bagi seseorang hamba dengan Tuhannya ialah di dalam keadaan ia sedang sujud. Maka banyakanlah berdoa ketika itu. (Muslim, 2003: *Kitab al-Salah, Bab Ma Yuqal Fi al-Ruku' wa al-Sujud?*, Hadis no. 1083)

Hal ini kerana, solat merupakan tali penghubung yang menghubungkan hamba dengan penciptanya. Ia menjadikan seseorang Muslim itu sentiasa mengingati Allah SWT, merendah diri kepadanya dan sentiasa mengagungkannya melalui syarat-syarat dan rukun yang dilakukan dengan penuh khusyuk dan tawaduk (Ibn al-Qayyim, 2007; al-Jurjawi, 2006; Sa'id Hawa, 1988; Rahman, 1979). Justeru, seseorang yang lalai dan lengah di dalam solatnya, tidak boleh dikatakan mendirikan solat semata-mata untuk mengingati Allah SWT. Akal dan hati perlu dikosongkan daripada mengingati perkara-perkara selain Allah SWT. Inilah bentuk didikan (*tarbiyyah*) Ilahi yang semestinya akan membuahkan rasa kecintaan dan kedekatan kepada Allah SWT (Abdul Rashid, 1996; Amran Kasimin, 1991).

### ***Solat Sebagai Penyembuh (al-Ma'jun)***

Solat merupakan penyembuh atau penawar kepada manusia sama ada jasmani mahupun rohani. Hal ini kerana solat mengandungi zikir yang sekiranya dilakukan dengan penuh khusyuk mampu mendamaikan hati dan jiwa (Danial, 2007; al-Jurjawi, 2006). Hal ini kerana solat merupakan pelaksanaan tafakur kepada keagungan Allah SWT yang disertai dengan pemusatan perhatian sepenuhnya. Bahkan solat dapat menenggelamkan seseorang ke dalam lautan kesaksian tanpa batas khususnya bagi seseorang yang memiliki kemampuan untuk menyelaminya. Nilai-nilai solat yang kondusif adalah ikhlas dalam mempersembahkan segala amalan dan meminta pertolongan hanya kepada Allah SWT. Berbagai tindakan dan sikap pengagungan yang terkandung dalam solat seperti sujud, rukuk, semuanya saling mendukung dan menyempurnakan satu sama lain. Dengan begitu, solat akan bermanfaat bagi setiap Muslim dan merupakan penangkal yang sangat efektif dalam menyembuhkan jiwa apabila setiap orang sentiasa bertawajuh (menghadap Allah SWT) sesuai dengan kemampuannya (Shah Wali Allah, 1999). Inilah maksud Hadis Nabi SAW sebagaimana mafhumnya:

Kamu akan melihat Tuhan kamu sebagaimana kamu melihat bulan ini. Kamu tidak akan merasa syak dan ragu tentang melihatnya, jika kamu mampu menyingkirkan segala kesibukan untuk mengerjakan solat sebelum matahari terbit dan terbenam, maka laksanakanlah solat. (al-Bukhari, 2002, *Kitab Mawaqit al-Salah*; Muslim, 2003).

Sehubungan itu, solat mampu menjadi penawar kepada penyakit jiwa seperti gelisah, tekanan (*stress*), takut selain daripada Allah SWT dan sebagainya yang mengganggu kehidupan manusia. Dengan syarat, manusia perlu menghadirkan hatinya kepada Allah SWT dalam melakukan ibadat solat tersebut (Ahmad Hisham & Che Zarrina, 2009). Dengan ini, solat merupakan sebab besar bagi timbulnya cinta Allah SWT dan rahmatNya, sebagaimana maksud sabda Nabi SAW:

'(Ya Allah) tolonglah aku untuk menggapaiMu dengan banyak bersujud. (Muslim, 2003).

### ***Solat Menghapuskan Dosa***

Dosa-dosa pada manusia bagaikan kekotoran yang melekat pada diri seseorang, kalau ia dicuci dan dibersihkan setiap hari beberapa kali, sudah tentu pasti kekotoran itu tidak wujud lagi. Demikianlah perbandingan yang diberikan oleh Rasulullah SAW di dalam Hadis yang bermaksud:

Adakah kamu lihat sekiranya di hadapan pintu rumah seseorang kamu ada sebatang sungai, yang dapat dia mandi di dalamnya setiap hari lima kali, adakah masih terdapat lagi pada badannya sesuatu kekotoran, para sahabat menjawab: 'tidak'. Lalu baginda bersabda: Demikianlah perbandingan solat-solat lima waktu itu, Allah menghapuskan segala dosa-dosa dengannya. (al-Bukhari, 2002, *Kitab Mawaqit al-Salah, Bab al-Salat al-Khams Kafarah*, Hadith no. 528).

Dalam hal ini, Shah Wali Allah (1999) menyatakan sekiranya seseorang melaksanakan solat dan mengharapkan nikmat dan rahmat dari Allah SWT, maka ia akan lebur dalam cahayaNya dan segala dosanya akan diampuni, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

Perbuatan-perbuatan baik menghapuskan perbuatan-perbuatan buruk (Hud, 11:14).

Nabi SAW juga bersabda, mafhumnya:

Sembahyang lima waktu dan sembahyang Jumaat ke Jumaat berikutnya dan puasa Ramadan ke Ramadan berikutnya menggugurkan kesalahan yang ada antaranya apabila seseorang itu menjauhi daripada dosa besar. (Muslim, 2003: *Kitab al-Taharah, Bab al-Salat al-Khams wa al-Jumu'at ila al-Jumu'at wa Ramadan ila Ramadan Mukaffarat lima bainahunna Ma Ijtanabat al-Kaba'ir*, Hadis no. 552)

Tegasnya lagi, tidak ada yang lebih utama dalam menghapuskan kesalahan (mengenai keesaan Allah SWT) melainkan solat yang disertai dengan kehadiran hati dan niat yang tulus serta memperelokkan wuduk, menunaikan dalam waktu,

menyempurnakan rukuk, khusyuk, zikir dan seumpamanya. Jika solat (seperti ini) dijadikan kebiasaan, maka seseorang itu akan mengharungi lautan rahmat yang besar dan mendapatkan manfaat dunia dan akhirat.

Justeru, solat merupakan tempat menyucikan fizikal dan rohani setiap Muslim daripada segala dosa, kesalahan dan kelalaian selagi ia tidak mensyirikkan Allah SWT (Danial, 2007; al-Jurjawi, 2006; al-Ghazali, 1991; Rahman, 1979). Manusia hanya perlu meyakini bahawa Allah SWT Maha Pemurah dan Maha Pengampun serta ikhlas menjalankan ibadat tersebut.

### *Solat Melatih Jiwa*

Menurut Shah Wali Allah (1999), solat memberikan kesan yang mendalam kepada jiwa seseorang. Solat merupakan cara paling utama untuk melatih jiwa rendah agar watak fizik tunduk kepada akal dan mengikuti keputusannya. Dalam hal ini, ketika menunaikan solat, seseorang tunduk di hadapan Tuhan sekalian alam, bermunajat kepada Penguasa alam semesta dan merendah diri kepadanya. Dengan itu, sekali gus seorang hamba akan merasa betapa lemah dan kerdilnya ia di hadapan Penciptanya (Abd. Rashid, 1995). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai umat manusia! kamulah yang sentiasa berhajat kepada Allah (di dalam segala perkara) sedang Allah Dia sahaja Maha Kaya lagi amat Terpuji. (al-Syura, 42: 28)

Tambahan lagi, di dalam bersolat, seseorang berdoa kepada Allah SWT dalam setiap posisi, sama ada sewaktu berdiri, rukuk, sujud mahupun sewaktu duduk. Doa-doa yang diperkenankan oleh Allah SWT membuatkan jiwa seseorang tenang dan bahagia (Abd. Rashid, 1995; Rahman, 1979). Para malaikat juga sentiasa mendoakan kebaikan kepada seseorang yang sentiasa mengingati dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Bahkan para malaikat akan melaknat golongan yang menderhakai Allah SWT. Doa yang dipanjatkan oleh para malaikat ini akan memberi kesan kepada jiwa manusia dan membolehkannya mencapai kemuliaan di sisi Allah SWT. Seterusnya ia dapat menundukkan sifat kebinatangan (*bahimiyyah*) dan melahirkan sifat kemalaikatan (*malakiyyah*) (Shah Wali Allah, 1999). Demikian itu, solat dapat mendidik jiwa seseorang untuk terus melakukan amal kebaikan seterusnya melahirkan sifat-sifat mulia seperti berani menegak kebenaran dan membanteras kemungkaran, bertawakal kepada Allah SWT dan bertenang dalam menghadapi sebarang bahaya dan bencana. Hal ini kerana kemudaratannya dan kemanfaatannya hanya ada pada Allah SWT serta segala sesuatu akan berlaku catatannya takdirNya (Abd. Rashid, 1995). Firman Allah SWT yang bermaksud:

Katakanlah (wahai Muhammad): Tidak akan sekali-kali menimpa kami (sesuatu pun) melainkan apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kami. Dialah pengawal yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal. (al-Tawbah, 9: 51)

## PERBINCANGAN

Solat merangkumi kesucian, kepatuhan dan membersihkan jiwa ke arah alam *malakut*. Sebahagian sifat khusus jiwa adalah apabila ia menerima suatu sifat, maka ia akan menolak sifat yang berlawanan dengan sifat ini dan ia akan menjauhkan dirinya, jadilah seolah-olah sifat itu tiada langsung (Shah Wali Allah, 1999). Begitulah jiwa yang dipenuhi dengan keagungan kepada Allah SWT apabila menunaikan ibadat solat dengan sempurna. Sifat kemalaikatan akan menguasai diri sehingga menundukkan sifat kebinatangan. Malah, sesetengah sufi membuang terus sifat kebinatangan bagi mencapai alam *malakut*.

Penekanan Shah Wali Allah terhadap hikmah solat yang berhubung dengan jiwa manusia adalah sama dengan perbincangan Imam al-Ghazali. Menurut al-Ghazali (1967), solat adalah cara yang paling utama dalam pembersihan jiwa. Solat menurut beliau merupakan satu cara atau matlamat yang menggabungkan di antara hakikat '*ubudiyah, tauhid, syukur* dan lain-lain lagi disertai dengan amalan zahir seperti zikir, berdiri (*qiyam*), ruku', sujud, *tahiyah* dan sebagainya. Aspek kerohanian yang paling utama ketika menunaikan solat ialah '*khushu*'. Tanpa '*khushu*', seseorang itu tidak akan dapat mencapai objektifnya dalam proses '*tazkiyah al-Nafs*', iaitu suatu proses penyucian jiwa daripada segala bentuk penyakit hati yang memerlukan usaha gigih dan bersungguh-sungguh bagi menyingkirkan sifat tercela (Syed Mohammad Hilmi, 2017). Selain daripada doa, aspek khusyuk ini amat diutamakan oleh para sufi dalam mendekati diri kepada Allah SWT (Rosmaini, 2014).

Justeru, falsafah ibadat solat yang dikemukakan oleh Shah Wali Allah adalah sebagai jalan untuk menyucikan jiwa (*tazkiyah al-nafs*). Ia juga berasaskan ibadat solat yang dipraktikkan golongan sufi dalam mencapai hakikat kehidupan yang sebenarnya. Golongan ini amat menitikberatkan ibadat solat sebagai jalan untuk mencapai *maqam* yang paling tinggi, iaitu *ma'rifatullah*. Maka, ibadat solat yang dilaksanakan oleh para sufi bukan sahaja menundukkan sifat kebinatangan dan nafsu dalam diri, malah mengundang sifat kemalaikatan yang sentiasa mengagungkan Allah SWT. Inilah puncak kebahagiaan yang amat didambakan oleh setiap sufi khususnya dan Muslim amnya.

## PENUTUP

Kewajipan, pelaksanaan, rahsia dan hikmah ibadat solat banyak diterangkan di dalam Hadis Nabi SAW. Ia merupakan semulia-mulia ibadat dan yang paling utama di antara pelbagai ibadat. Kewajipannya merangkumi semua umat Islam sehingga golongan yang sakit dan musafir pun wajib menunaikannya mengikut cara yang ditetapkan. Maka, hikmah di sebalik pensyariatan ibadat ini tidak terhitung sama ada dari aspek jasmani mahupun rohani. Namun, bagi Shah Wali Allah, beliau menekankan hikmah dan rahsianya terhadap jiwa atau spiritual seseorang Muslim sebagaimana yang dibincangkan oleh para ahli tasawuf.

Sebagai seorang sufi, Shah Wali Allah menekankan prinsip utama dalam solat adalah melahirkan keagungan terhadap Allah SWT. Ia dapat dilihat dalam syarat-syarat dan rukun-rukun yang perlu dilaksanakan ketika menunaikan ibadat solat seperti mengangkat takbir, rukuk, sujud dan lain-lain. Ibadat solat juga mengandungi zikir dan doa yang dipanjatkan dengan khusyuk dan ikhlas kepada Allah SWT. Maka, solat yang khusyuk dan sempurna dapat membentuk jiwa manusia untuk terus mentaati Allah SWT sebagaimana amalan para malaikat. Cahaya daripada malaikat juga turut menyeliputi jiwa seseorang yang melaksanakan segala amal ibadat dengan sebaiknya terutamanya solat. Dalam hal ini, ibadat solat dapat menundukkan nafsu dan sifat kebinatangan (*bahimiyyah*) dalam diri manusia seterusnya melahirkan sifat kemalaikatan (*malakiyyah*) yang suci dan diredai Allah SWT.

## RUJUKAN

### Buku

- Abdul Rashid Ahmad. 1996. *Kesan Tarbiyah Daripada Ibadat Solat*. Subang Jaya: Penerbitan AlRamadhan.
- Abdul Salam Muhammad Syukri. 2007. *Dimensi Pemikiran Shah Waliallah al-Dihlawi Dan Pengaruhnya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Abi Dawud. 2000. Sunan Abi Dawud. Dalam Salih bin Abd al-Aziz bin Muhammad bin Ibrahim. *al-Kutub al-Sittah*. Cet. 3. Arab Saudi: Dar al-Salam.
- Al-Asqalani, Ibn Hajar. 2004. *Bulugh al-Maram min Adillat al-Ahkam*. Cet. 6. Riyadh: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Al-Bukhari, Muhammad b. Isma'il. 2002. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Dihlawi, Ahmad b. 'Abdul Rahim Shah Wali Allah. 1999. *Hujjah Allah al-Balighah*. Tahqiq Syeikh Muhammad Syarif Sukkar. Cet. 3. Beirut: Dar Ihya' al-'Ulum.
- Al-Dihlawi, Ahmad b. 'Abdul Rahim Shah Wali Allah. 1936. *Al-Ta'fhimat al-Ilahiyyah*. Jil. 1. Madinah: al-Majlis al-'Ilm.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1967. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Juz. 1. Kaherah: Mu'assasah al-Halabi wa Sharikah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 1991. *Mukashafah al-Qulub: al-Muqarrab Ila 'Allam al-Ghuyub*. Beirut: Dar al-Jil.
- Al-Ghazali, Muhammad. 2000. *The Socio-Political Thought of Shah Wali Allah*. Zafar Ishaq Ansari ed. Islamabad: T.p.
- Al-Jaylani, Abdul Qadir. 1983. *Al-Fath al-Rabbani wa al-Fadh al-Rahmani*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Jaza'iri. 1976. *Minhaj al-Muslim: Kitab 'Aqa'id wa Adab wa Akhlak wa Ibadat wa Mu'amalat*. Cet. 8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Jurjawi, Syeikh Ali Ahmad. 2006. *Hikmah al-Tasyri' wa Falsafatuh*. Terj. Faisal Saleh. Jakarta: Gema Insani.

- Al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustafa & al-Sharbaji, 'Ali. 2003. *al-Fiqh al-Manhaji ala Mazhab al- Imam al-Shafie*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Nasa'i, Abu 'Abdul Rahman. 2015. *Sunan al-Nasa'i*. Cet. 2. Riyadh: Dar al-Hadarah li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Al-Sharbini. 1940. *Al-Iqna' Fi Hall Alfaz Abi Shuja'*. Jil. 1. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- Al-Siyalkuti, Muhammad Basyir. 1999. *Al-Imam al-Mujadid wa al-Muhaddith al-Shah Wali Allah al-Dihlawi*. Beirut: Dar Ibn Hizm.
- Al-Tirmizi, Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa. 1996. *Jami' al-Kabir*. T.t: Dar al-Gharab al-Islami.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil. 1. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Amran Kasimin. 1991. *Taqarrub Amalan Menghampirkan Diri Pada Ilahi*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers.
- Badran. 1985. *al-'Ibadat al-Islamiyyah*. Kaherah: Mu'assasah Shabab al-Jami'ah Iskandariyyah.
- Danial Zainal Abidin. 2007. *Quran Sainifik: Meneroka Kecemerlangan Quran Daripada Teropong Sains*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Hamdani Bakran Adz-Dzakiey. 2007. *Jangan Kecewakan Allah Dengan Shalatmu*. Yogyakarta: Pustaka al-Furqan.
- Harun Yahya. 2003. *Prayer In The Qur'an*. Kuala Lumpur: Saba Islamic Media.
- Hawwa, Sa'id. 1988. *al-Mustakhlis Fi Tazkiyah al-Nafs*. Cet. 4. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibn Manzur. 1956. *Lisan al-'Arab*. Jil. 61. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Shams al-Din. 2007. *Asrar al-Salah*. Kaherah: Maktabah Ibn al-Islam.
- Jalbani, G. N. 1993. *Life of Syah Waliyullah*. Lahore: SH. Muhammad Ashraf.
- Mashur, Mustafa. t.t. *al-Hayat fi Mihrab al-Salat*. t.tp: Dar al-Tauzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Muslim, Abi al-Husayn b. al-Hajjaj al-Qusyari al-Naysaburi. 2003. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Rosmaini Hamid. 2014. *Penghayatan Solat*. Sintok: Penerbit UUM.
- Sa'id Hawwa. 1988. *al-Mustakhlis Fi Tazkiyah al-Nafs*. Cet. 4. Kaherah: Dar al-Salam.
- Sayyid Sabiq. 1990. *Fiqh al-Sunnah*. Jil. 1. Kaherah: Dar al-Diyan.
- Siraj al-Din, 'Abd Allah. 1971. *al-Salah Fi al-Islam*. t.t.p.: Jami'ah al-Ta'lim al-Shar'i.
- Tabbarah, Affif Abd al-Fattah. 1985. *Ruh al-Salat Fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malayin.
- Udah Mohsin. 1986. *Kesan Ibadah Dalam Pembangunan Akhlaq Seorang Muslim*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.

- Abdul Rashid Ahmad. 1995. *Aspek-aspek Pendidikan dalam Solat*. Jurnal Usuluddin. Bil. 2. Kuala Lumpur: Jabatan Usuluddin, Universiti Malaya.
- Ahmad Hisham Azizan & Che Zarrina Sa'ari. 2009. *Terapi Solat Dalam Menangani Penyakit Gelisah (Anxiety) Menurut Perspektif Psikoterapi Islam*. Jurnal Usuluddin. Bil. 29. Kuala Lumpur: Jabatan Usuluddin, Universiti Malaya.
- Ahmad Hisham. 2009. *Solat Dan Nilai-Nilai Spiritual Dalam Menangani Gelisah Dalam Kalangan Remaja Islam: Kajian Di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Selangor*. Disertasi Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Azharudin Mohamed Dali. 2002. *Ulama Dan Gerakan Revivalsi Islam Di India Antara 1700-1850 AN*. Jurnal Usuluddin. Bil. 16. Kuala Lumpur: Jabatan Usuluddin, Universiti Malaya.
- Nurul Asmal Liyana Bakar, Hamdi Ishak & Tengku Intan Zarina Tengku Puji. 2017. *Halangan Pelaksanaan Solat Fardhu dalam Kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) Penglihatan di Perastuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) Wilayah Terengganu*. Jurnal 'Ulwan. Jil. 1.
- Syed Mohammad Hilmi. 2017. *Tazkiyah al-Nafs Menurut Ahli Tasawuf*. Jurnal Qalbu. Bil. 1.5 (Jun 2017).

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*